

SOALAN NO: 319

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
[Bachok]**

**SOALAN : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan jumlah
peruntukan dan agihan yang diserahkan
kepada Majlis Pembangunan Pertanian
Parlimen Bachok bagi tahun 2013, 2014,
2015 dan 2016. Apakah kelemahan yang
dikenal pasti dalam peruntukan dan agihan
sedia ada.**

INPUT JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP) ditubuhkan adalah bertujuan untuk mengukuhkan pelaksanaan pembangunan sektor pertanian negara hingga ke akar umbi, di samping meningkatkan pendapatan petani melalui program/program pertanian dalam sesuatu kawasan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peruntukan yang disalurkan kepada MPPP Bachok pada tahun 2013 adalah sebanyak RM80,000 dan sebanyak RM50,000 pada tahun 2014. Manakala bagi tahun 2015 dan 2016, tiada peruntukan khusus yang disalurkan bagi pelaksanaan program MPPP. Pihak Kementerian telah menyelaraskan pelaksanaan projek di bawah MPPP dengan menggunakan peruntukan sedia ada Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian juga sedang mengemaskini *Standard Operating Procedure* (SOP) pelaksanaan program MPPP di mana skop projek adalah berbentuk program dan bantuan input yang akan meningkatkan hasil pendapatan petani dan tidak melibatkan projek-projek pembinaan infrastruktur pertanian.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM300,000 bagi melaksanakan kajian keberkesanan pelaksanaan program MPPP yang akan dijalankan oleh pihak MARDI. Hasil kajian dijangka akan disiapkan pada pertengahan tahun 2018.